

15/04/1997

Dewan lulus usul ucap terima kasih

d

SHAH ALAM, Isnin - Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang bersidang hari ini, meluluskan usul merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib atas sumbangan dan bakti beliau memajukan negeri itu selama 11 tahun perkhidmatannya.

Speaker DUN Selangor, Datuk Onn Ismail meluluskan usul yang dibentangkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Burung, Datuk Mohd Aini Taib selepas mendengar hujah Adun lain.

Mohd Aini berkata, Muhammad yang ketika itu Adun Batang Kali diberi kepercayaan oleh Barisan Nasional dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memegang jawatan Menteri Besar Selangor pada 14 Ogos 1986.

Menurutnya, banyak perubahan besar yang dibawa oleh Muhammad sepanjang menerajui kepimpinan Selangor.

Katanya, ketika diberi tanggungjawab itu, Selangor sedang menghadapi zaman kemelesetan ekonomi sehingga kerajaan mengadakan kempen berjimat-cermat dan memotong gaji kakitangan kerajaan.

Menurut Mohd Aini, sebaik saja kemelesetan ekonomi berakhir, Muhammad terus memimpin Selangor dengan cemerlang sehingga berjaya meningkatkan ekonomi Selangor dan meletakkan negeri ini pada tahap yang ada sekarang.

"Hari ini, pada 14 April, beliau meletakkan jawatannya selepas 11 tahun memimpin Selangor. Kita sedih dengan keputusan itu tetapi Muhammad berbuat demikian kerana lebih mementingkan parti," katanya.

Sementara itu, Adun Paya Jaras, Datuk Saidin Thamby, berkata penghargaan yang perlu diberi kepada Muhammad tidak ternilai kerana kerajaan Selangor amat terhutang budi kepada beliau.

Menurutnya, sebaik saja mendengar keputusan peletakan jawatan Muhammad, Sabtu lalu, seluruh negeri Selangor dalam keadaan sugul dan rakyat bersedih serta terkejut dengan pengumuman Perdana Menteri kerana sebelum ini, tiada tanda Muhammad akan berbuat demikian.

"Sepanjang perkhidmatannya, Muhammad sering mengejutkan pemimpin politik dan rakyat dengan tindakan pembangunan drastik.

"Salah satu pembaharuan yang dilaksanakan ialah membangunkan daerah yang tercicir jauh seperti Hulu Selangor, malah beliau berjaya membangunkan Sepang melalui program Anjung Selatan sehingga menarik Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan kawasan itu sebagai kawasan bernilai komersil," katanya.

(END)